



Ibu Pejabat  
Jabatan Ukur Dan Pemetaan  
Jalan Semarak  
50578 Kuala Lumpur

15 September, 1998.

## **PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.6 TAHUN 1998** **Penggunaan Format Pelan Akui Saiz A3**

### **1.0      Tujuan**

Pekeliling ini bertujuan untuk membenarkan penggunaan borang pelan saiz A3 bagi Pelan Akui.

### **2.0      Latarbelakang**

- 2.1      Mengikut amalan sekarang, plotan Pelan Akui menggunakan borang pelan saiz A2 (420mm X 594mm) sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling KPUP bil. 3/1985.
- 2.2      Penggunaan saiz tersebut seringkali didapati terlalu besar terutamanya bagi kerja-kerja kecil atau yang mempunyai jumlah lot yang sedikit. Manakala plotan grafik bagi kerja tersebut dilukis menggunakan skala yang lebih besar daripada yang diperlukan dan ianya tidak dapat mengoptimakan penggunaan borang saiz tersebut. Walau bagaimanapun dengan kemudahan pencetak laser yang dibekalkan di negeri-negeri membolehkan Pelan Akui saiz A3 (297mm X 420mm) yang lebih berkualiti disediakan dengan cepat dan efisien.
- 2.3      Cadangan untuk menggunakan saiz Pelan Akui yang lebih kecil ini adalah bersesuaian dengan langkah penjimatan Jabatan bagi mengurangkan perbelanjaan awam selaras dengan Arahan Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan bil. 4 dan bil. 6 Tahun 1997.
- 2.4      Walau bagaimanapun, kaedah penyediaan PA Strata menggunakan borang pelan saiz A2 serta penomborannya hendaklah diteruskan mengikut amalan sekarang.

### **3.0      Format Baru Pelan Akui**

#### **3.1      Format Pelan Akui Saiz A2 dan A3**

Penggunaan borang pelan saiz A2 sebagaimana dalam Pekeliling KPUP bil. 3/1985 hendaklah diteruskan manakala format A, B dan C bagi saiz A3 digunakan mengikut bentuk grafik yang akan disediakan dengan ciri-ciri format seperti berikut :

Jenis Format	A	B	C
Margin minima: atas&bawah/ kiri&kanan	13.5mm / 15mm	15mm /13.5mm	13.5 mm / 15mm
Ruang untuk teks	80mm x 270mm	390mm x 80 mm	80mm x 390mm
Ruang untuk grafik	270mm x 310mm	390mm x 190mm	190mm x 390mm

#### **3.2      Format Pelan Akui Saiz A3 Bagi Kegunaan JUBL**

Pelan Akui yang disediakan oleh Juruukur Tanah Berlesen hendaklah menggunakan format yang sama beserta sijil di tempat yang sesuai.

### **4.0      Penomboran Pelan Akui**

Untuk melicinkan lagi urusan pendaftaran dan penyimpanan pelan akui, kaedah penomboran berikut hendaklah diikuti:

- 4.1      Nombor Pelan Akui mengikuti siri yang sedia ada, tetapi cara penomboran dibuat secara kelompok mengikut saiz pelan.

Contoh:

Pelan Akui saiz A2 menggunakan siri 50001 hingga 59999 manakala Pelan Akui bersaiz A3 menggunakan siri 60000 hingga 69999. Ini akan dapat menjimatkan sekali ganda ruang simpanan.

- 4.2      Juruukur Tanah Berlesen boleh memohon nombor bagi kedua-dua saiz PA secara kelompok bagi memudahkan prosedur penomboran ini dipatuhi.

## **5.0      Skala Pelan**

Penggunaan skala untuk Pelan Akui hendaklah mengikut sebagaimana yang ditetapkan di para (e) Pekeliling KPUP bil. 4 / 1978.

## **6.0      Bahan Pelan Akui**

Bagi menyediakan Pelan Akui menggunakan pencetak laser, hanya bahan poliester bersaiz A3 mengikut spesifikasi dalam Pekeliling KPUP bil. 4/1993 sahaja yang dibenarkan.

## **7.0      Tarikh Kuatkuasa**

Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa mulai (3) bulan dari tarikh pengeluarannya.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**t.t.**

**( DATO' ABDUL MAJID BIN MOHAMED )**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia.

**Agihan kepada :**

Semua Pengarah Ukur Negeri

**Salinan kepada :**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasaran Kadaster)  
Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik)  
Setiausaha,  
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia.

NEGERI JOHOR  
DAERAH JOHOR BAHRU  
MUKIM TEBRAU  
LOT 39099-39102

SKALA 1 : 1000

15 mm

Foil Ukur PUJ 1130-96  
Foil Pej Tanah PTDJB 2-8-1-2-37-90  
Lembar Peta 65 D 1  
JK  
Diukur Oleh Ab.Latif b Alimon  
Ap Pada 19-5-97  
BK 48000  
Ukuran Kelas Satu

Disedia Oleh  
( Sonoh bin Mohor )


Diperiksa Oleh  
( Haji Shams bin Joes )

Diluluskan Oleh  
( Hj Che Abdulla bin Md. Rejab )  
Pengaroh Ukar  
Johor

PA 63616 CALS

13.5 mm

\$ 56400



\$ 56500

15 mm


13.5 mm

13.5 mm

13.5 mm

NEGERI JOHOR  
DAERAH KLUANG  
BANDAR KLUANG  
LOT 5396-5398 & 5415

SKALA 1 : 800

NOTA -  
LOT 5396-5398 & 5415 ADALAH DI-

Folik Surau PAU 789-96

Folik Pejabat Persekutuan B-48-72

Lembah Pasoh 42 B II

JK 1998 M 151-189

Dikuruh oleh Hassan bin Abd Rahman

Siap Pada 10-12-98

BK 51198,51199,51204 &amp; 51205

Usuran Kelas Seluruh

13.5 mm

Disediakan oleh: (Saran dan Kewajipan)

Diperakui oleh: (Walaupun Saran dan Jem)

Disukarkan oleh: (Hj. Che Matullah bin Md. Yusof)  
Penyatakan Umur  
Jalan

PA 62909 CALS